

SYARAT-SYARAT PENYEWAAN TANAH MAJLIS LOT 1573, SEKSYEN 2,  
BANDAR TANJUNG TOKONG, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG

Syarat-syarat Penyewaan

1. Tapak berkenaan akan digunakan untuk tujuan tempat letak kereta sahaja.
2. Tempoh penyewaan adalah untuk 3 tahun.
3. Tapak akan disewakan mengikut sedianya ('as is where is basis') tidak termasuk tapak bangsal tempat simpanan 'chariot'.
4. Penyewa perlu membayar deposit bersamaan 3 bulan ketika menandatangani Surat Perjanjian Penyewaan dengan Majlis.
5. Penyewa tidak dibenarkan membuat sebarang binaan struktur di atas tapak tersebut kecuali mendapat kebenaran pihak MPPP terlebih dahulu.
6. Penyewa perlu mematuhi segala kehendak undang-undang daripada Pihak Berkuasa berkaitan untuk menjalankan aktiviti tempat letak kereta;
7. Segala penyambungan bekalan elektrik, air dan lain-lain adalah ditanggung oleh penyewa tanpa sebarang tuntutan kepada pihak MPPP.
8. Penyewa dikehendaki mengambil polisi perlindungan yang melindungi MPPP dari sebarang kemalangan/kecelakaan berlaku.
9. Apabila tamat tempoh sewaan, penyewa dikehendaki menyerahkan tapak dalam keadaan asal dengan persetujuan MPPP.
10. MPPP berhak untuk menamatkan sewaan atau menarik balik kelulusan penyewaan tapak sekiranya penyewa gagal mematuhi syarat-syarat penyewaan atau MPPP memerlukan tapak tersebut, tanpa sebarang bayaran gantirugi.